



**TEKS UCAPAN**  
**YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM**  
**JUH BEGUMPOI! KASIH @ (PKM) BERAMBEH DI BUYO**

**27 MAC 2016 (AHAD)**  
**DEWAN MASYARAKAT SG.LADONG SEBUYAU**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

**<Salutasi>**

**PENDAHULUAN**

Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya juga dapat kita semua hadir dan berkumpul di dalam Dewan Masyarakat, Kg.Sungai Ladong, Sebuyau pada pagi ini bersempena dengan Majlis Perasmian Penutup Program Juh Begumpoi ! Kasih @ PKM Berambeh di Buyo
3. Program yang telah diadakan selama 2 hari 1 malam iaitu sejak kelmarin merupakan julung-julung kali diadakan sejak Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) dilaksanakan di Sarawak bermula pada tahun 2008. Saya difahamkan program ini begitu mendapat kerjasama dari pelbagai pihak dan agensi di Sebuyau ini dalam memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan tanggungjawab sosial dan menangani jenayah.
4. Sepanjang tahun lepas, Cawangan PKM Negeri Sarawak telah melaksanakan pelbagai program khususnya untuk Kumpulan sasarnya iaitu Pelatih-pelatih Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) di peringkat negeri antaranya seperti Program Refleksi Khidmat Masyarakat, Program Di Hujung Masih Ada Sinar, dan banyak lagi di samping

kerja-kerja khidmat masyarakat yang telah dijalankan oleh para pelatih PKM.

5. Sesungguhnya program yang dilaksanakan itu bukanlah semata-mata sekadar hukuman kepada pelatih PKM, malahan ia juga melibatkan program kesedaran bagi ibu bapa dan keluarga seperti program keibubapaan iaitu Ku Taut Kasih Terlerai. Usaha ini adalah untuk meningkatkan kemahiran ibubapa dalam membimbing dan menyediakan khidmat sokongan terhadap pelatih.
6. Saya yakin bahawa pelaksanaan program “out reach” ini akan memberi pendedahan serta manfaat kepada Pelatih PKM, untuk membina dan membentuk akhlak serta jati diri positif sekaligus dapat menjalin kerjasama dan menggalakkan semangat kesukarelawan di kalangan pelatih serta komuniti Sebuyau. Saya amat berbangga Pelatih PKM terbukti dapat memberi sumbangan kepada masyarakat di sini setelah mereka sedar akan tanggungjawab sosial yang perlu dikembalikan oleh mereka kepada masyarakat.

## **PKM SEBAGAI SATU HUKUMAN ALTERNATIF**

Dato'-dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

7. Sebagai makluman, Perintah Khidmat Masyarakat merupakan salah satu perintah alternatif yang boleh dikenakan kepada pesalah muda yang berumur 18 tahun ke atas dan di bawah umur 21 tahun di bawah Seksyen 293 (e)(i) Kanun Tatacara Jenayah. Perintah Khidmat Masyarakat bertujuan untuk memberi pengajaran dan pencegahan terhadap pesalah muda daripada mengulangi jenayah pada masa hadapan, seterusnya mengembalikan mereka ke pangkuhan masyarakat. Generasi muda merupakan pewaris bangsa dan asset berkualiti untuk menerajui legasi kepimpinan negara pada masa hadapan.

## **PENCAPAIAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT**

Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

8. Sejak PKM diperkenalkan pada tahun 2008 hingga Jun 2015. Seramai 3,892 orang Pesalah Muda telah diperintahkan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat di mana 2,851 orang telah tamat menjalani perintah dengan jayanya. Ini menunjukkan bahawa PKM adalah berkesan sebagai suatu hukuman alternatif terbaik dalam memberi peluang kepada Pesalah Muda kembali ke pangkuhan masyarakat berbanding sekiranya mereka dimasukkan ke penjara.

9. Kajian Keberkesanan Program Perintah Khidmat Masyarakat Dalam Kalangan Pesalah Muda yang dijalankan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 2013, mendapati 95.7% pelatih dan bekas pelatih PKM yang menjadi responden kajian bersetuju bahawa program dan aktiviti Perintah Khidmat Masyarakat adalah berkesan. Secara keseluruhannya, program ini memberikan impak positif dalam membentuk jati diri mereka. Disamping itu, JKM dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia

telah membangunkan Modul Pelatih PKM yang disusun rapi bagi memastikan pelaksanaan aktiviti mengikut teras asas PKM iaitu hukuman, pemulihan dan penginsafan. Modul ini seterusnya dijadikan panduan pelaksanaan PKM dalam proses pemulihan Pelatih PKM yang lebih mantap dan berkesan.

10. Berdasarkan tinjauan rambang yang dijalankan terhadap 608 bekas pelatih PKM menunjukkan 62% bekas pelatih PKM telah berjaya mempunyai pekerjaan tetap manakala 3.4% pula melanjutkan pelajaran di peringkat sijil hingga ijazah, di mana 7 kes telah melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Tempatan. Bagi mengemaskini data bekas pelatih PKM, JKM sedang dalam proses mengumpulkan kembali profil semua bekas pelatih bagi memudahkan Jabatan merangka strategi terbaik membantu mereka. Sebagai permulaan semua bekas pelatih akan didaftarkan sebagai ahli alumni PKM dan digalakkan menyertai Sukarelawan JKM.

## **PERANCANGAN MASA HADAPAN PESERTA PKM**

Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

11. Selain daripada pelaksanaan program pemulihan, penginsafan dan hukuman, JKM juga turut memberi fokus kepada perancangan masa depan Pelatih PKM. Program peningkatan kerjaya dalam bidang keusahawaan merupakan satu inisiatif baru kepada Pelatih PKM, di mana pelatih yang berminat dan berkebolehan diberi geran pelancaran. Sehingga Jun 2015, seramai tujuh (7) orang Pelatih PKM telah diberikan bantuan geran pelancaran dalam pelbagai bidang keusahawanan seperti pemasangan "tile", pendawaian elektrik, menjahit sofa dan langsir serta perniagaan salon rambut. Bagi sasaran tahun 2016, setiap daerah akan diwajibkan menjayakan satu projek peningkatan kerjaya Pelatih PKM dan akan diberi geran pelancaran.

12. Antara perancangan lain yang telah disusun adalah untuk menjadikan peserta ini sebagai peserta 1AZAM KPWKM yang mana bantuan akan diberikan bagi menjalankan perniagaan seperti peralatan kedai makan, peralatan mencuci kereta serta beberapa pakej yang bersesuaian dengan peserta. JKM juga akan turut sama menjalankan kolaborasi bersama beberapa syarikat yang menyediakan skim latihan kepada peserta yang berminat dan secara tidak langsung akan memberikan peluang pekerjaan kepada mereka.

## **KERJASAMA SECARA BERPASUKAN @TEAM WORK**

Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

13. Pada tahun ini, JKM merancang untuk bekerjasama dengan syarikat automobil nasional bagi menjayakan program penempatan pekerjaan kepada pelatih PKM. Pelatih-pelatih ini akan dihantar menjalani latihan kemahiran di syarikat tersebut dan akan diserap sebagai pekerja tetap setelah tamat menjalani latihan.

14. Sesungguhnya dalam mencapai perancangan tersebut, komitmen dan kerja

'berpasukan' dari semua pihak amat diharapkan. Kerja berpasukan perlu dijadikan budaya kerja walau di mana kita berada. Di jiwa kita haruslah sentiasa tersemat bahawa setiap individu walau sekecil atau sebesar mana tugas yang diamanahkan, pasti akan memberi sumbangan bagi menentukan kejayaan dan kegagalan sebuah organisasi atau masyarakat.

15. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua AJK Pelaksana yang pastinya telah bekerja keras dalam memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tanpa penerimaan ikhlas kita, pastinya mereka ini akan menghadapi pelbagai cabaran untuk balik ke pangkal jalan. Peluang kedua yang diberikan, pastinya memberikan sinar baru dalam kehidupan mereka.

## PENUTUP

16. Akhir sekali, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengajur Program ini serta semua pihak yang telah menyumbang sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Program Juh Bergumpoi ! Kasih @ Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) Berambeh di Sebuyau pada kali ini.

17. Maka itu, dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Penutupan **Program Juh Begumpoi ! Kasih @ PKM Berambeh di Buyo dengan rasminya.**

Sekian.

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**